



IDRIS (dua dari kanan) bersama penerima Anugerah Pingat Tunku 2014 Yayasan Tunku Abdul Rahman, semalam.

Bertaraf dunia

■ Mutu sistem pendidikan negara meningkat selaras pelaksanaan PPPM

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan yakin mutu sistem pendidikan di negara ini akan terus meningkat pada masa akan datang selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, tohmahan sesetengah pihak yang kononnya mutu pendidikan negara semakin merosot tidak mempunyai asas untuk dipercayai kerana kerajaan sememangnya komited untuk memastikan pendidikan negara menuju sistem bertaraf dunia.

Katanya, beliau hairan mengapa masih ada pihak yang terus menggunakan keputusan kurang membe-rangsangkan Program Penilaian Antarabangsa Pelajar

(PISA) pada 2012 sebagai ka-
yu ukur sedangkan banyak
universiti awam di negara
ini mencatatkan peningka-
tan sejak beberapa tahun
kebelakangan ini.

"Sebagai contoh, berdasar-
kan QS Rankings, Universiti
Malaya (UM) berjaya berada
pada kedudukan 151 terbaik
pada 2014 berbanding kedud-
udukan 167 pada 2013 ma-
nakala Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM) melonjak
dari kedudukan 269 pada
2013 ke 259 dan Universiti
Teknologi Malaysia (UTM)
kini di kedudukan ke 294
berbanding 355 pada 2013.

"Kita harus berbangga ke-
rana sebagai perbandingan,
UM berjaya mengatasi ran-
king beberapa universiti ter-
kemuka seperti Universiti of
Exeter Michigan State Uni-
versity (198), Georgetown
University, Washington DC
(200), George Washington
University (300), RMIT Uni-

versity (304) serta Curtin
University (331).

"Ia menunjukkan mutu
sistem pendidikan negara
sekarang sudah bertambah
baik dan sebagai Menteri
Pendidikan, saya jamin pen-
didikan negara akan terus
mengalami peningkatan,"
katanya pada sidang media
selepas Majlis Penyampaian
Anugerah Pingat Tunku 2014
Yayasan Tunku Abdul Ra-
hman, di sini, semalam.

Menurut Idris, tiada sis-
tem tidak memiliki kelemah-
han, namun perlu diakui pe-
laksanaan pelan pembangu-
nan pendidikan juga berjaya
mencatatkan peningkatan
yang memuaskan.

Katanya, sebanyak 11 fa-
kulti universiti di negara ini
juga diiktiraf antara 100 ter-
baik di dunia selain empat
profesor tempatan menda-
pat pengiktirafan sebagai
antara profesor terbaik di
peringkat antarabangsa.